



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KHAS JEMAAH  
HAJI MUASASSAH 2024M / 1145H  
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**20 MEI 2024**

**DEWAN SERI MELATI  
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةِ

وَالسَّلَامِ عَلَى

سیدنا محمد  
أشرف  
المرسلین و  
وعلى آله  
وصحبه أجمعين

**Yang Berbahagia**

**Dato' Indera Noridah Abdul Rahim**

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

**Yang Berbahagia**

**Dato' Townplanner Fadlun Mak Ujud**

Presiden, Perbadanan Putrajaya

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Jabatan  
Wilayah Persekutuan

Naib-naib Presiden Perbadanan Putrajaya

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin dan kurnianya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini di Majlis Penyampaian Sumbangan Jemaah Haji Muasassah Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2024 Masihi atau 1445 Hijrah.
2. Pertama-tamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan semua yang telah terpilih menjadi Tetamu Allah ke Baitullah pada tahun ini.

3. Tuan-tuan dan puan-puan tentulah bersyukur kerana mendapat pelyang ini, kerana tuan-tuan dan puan-puan adalah antara jutaan umat Islam di Malaysia yang menyimpan hasrat untuk menunaikan ibadat haji, dan Alhamdulillah, doa tuan-tuan dan puan-puan semua telah dimakbulkan dan diberikan rezeki untuk ke sana.
  
4. Saya berharap agar semua urusan tuan-tuan dan puan-puan di sana nanti akan dipermudahkan dan dapat menunaikan rukun Islam kelima ini dengan sempurna.

## **SUMBANGAN WANG TUNAI BAGI JEMAAH HAJI MUASASSAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Para hadirin sekalian,

5. Pada tahun ini, Jabatan Wilayah Persekutuan mengambil sedikit pendekatan yang berbeza, di mana, buat julung kalinya kita memperuntukkan sumbangan wang tunai warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang telah dijemput sebagai Duyufurrahman.

6. Sumbangan ini merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah Program Usaha Jaya Insan atau PUJI. Melalui inisiatif Ihsan @ PUJI ini, JWP memperuntukkan secara keseluruhan sebanyak RM 1.102 juta kepada 2,204 bakal jemaah haji muasassah di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.
7. Di Putrajaya, seramai 579 orang penerima akan mendapat manfaat daripada sumbangan ini. Mudah-mudahan melalui sumbangan ini, sedikit sebanyak, akan memberikan keceriaan dan meringankan beban para jemaah. Insya-Allah.



## **KEPENTINGAN KESIHATAN DALAM MENUNAIKAN IBADAH HAJI**

Para hadirin sekalian,

8. Ibadah haji merupakan ibadah yang memerlukan kekuatan fizikal dan emosi yang luar biasa. Sepanjang musim haji, para jemaah akan melakukan pelbagai aktiviti seperti tawaf, sa'ie, melontar jamrah dan berulang-alik ke masjid. Aktiviti ini memerlukan para jemaah mempunyai stamina yang tinggi.

9. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa tubuh badan tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berada dalam keadaan sihat dan bertenaga bagi melaksanakan ibadah ini dengan lancar.
  
10. Sebelum berangkat ke Tanah Suci, saya menasihatkan agar tuan-tuan dan puan-puan menjalani pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh. Ini termasuklah memastikan vaksinasi yang diperlukan telah lengkap dan mengikuti nasihat doktor mengenai penjagaan kesihatan.

11. Dengan melakukan pemeriksaan kesihatan awal, tuan-tuan dan puan-puan dapat mengenal pasti dan merawat sebarang masalah kesihatan yang mungkin mengganggu kelancaran ibadah ini.
  
12. Semasa berada di Tanah Suci nanti, tuan-tuan dan puan-puan perlulah mematuhi panduan kesihatan yang disarankan oleh pihak berkuasa kesihatan dan Tabung Haji. Ini termasuklah mengamalkan pemakanan yang seimbang, minum air yang mencukupi untuk kekal terhidrat, dan mengelakkan pendedahan yang terlalu lama kepada cuaca panas.

13. Langkah-langkah ini adalah penting bagi mengelakkan masalah kesihatan seperti keletihan, dehidrasi dan strok haba.
14. Selain itu, penting juga untuk tuan-tuan dan puan-puan menjaga kesejahteraan mental di tengah-tengah jutaan jemaah dari seluruh dunia ini. Para jemaah perlu belajar untuk bertoleransi dan bersabar dalam menghadapi pelbagai situasi yang mungkin timbul.
15. Dengan menjaga kesihatan secara menyeluruh seperti ini, tuan-tuan dan puan-puan dapat menunaikan ibadah haji dengan lebih baik dan kembali semula ke Tanah Air dalam keadaan yang sihat, Insya-Allah.

## **HARAPAN KEPADA BAKAL JEMAAH HAJI**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Semasa berada di Tanah Suci, saya berharap para jemaah akan sentiasa mendoakan agar negara kita, Malaysia, terus dilimpahi keamanan dan kesejahteraan.
  
17. Dengan adanya keamanan, kita semua dapat melaksanakan ibadah mengikut syariat Islam tanpa rasa bimbang atau takut. Doa daripada para jemaah yang ikhlas adalah sangat bermakna untuk kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

18. Saya juga ingin menasihatkan para jemaah untuk menggunakan setiap saat di Tanah Suci dengan sebaik-baiknya.
  
19. Elakkan daripada membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Sebaliknya, penuhilah masa lapang dengan banyak melakukan amalan wajib dan sunat seperti berzikir, membaca al-Qur'an, berdoa serta bermunajat kepada Allah Azza Wa Jalla. Setiap detik di Tanah Suci adalah peluang berharga yang tidak harus disia-siakan.

20. Akhir kata, saya ucapkan selamat berangkat dan mendoakan agar perjalanan tuan-tuan dan puan-puan ke Tanah Suci akan diberikan kemudahan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.
  
21. Sekali lagi saya mendoakan agar semua jemaah haji dari Putrajaya ini dapat mengerjakan ibadah haji dengan sempurna dan kembali ke Tanah Air dengan haji yang mabrur, Insya-Allah. Sampaikan salam saya kepada Baginda Rasulullah SAW.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.